

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
KAWASAN : RANTAU PANJANG

SOALAN:

YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan kelengkapan lampu jalan serta pencerahan mencukupi di sepanjang lebuh raya dan jalan berisiko tinggi dan merbahaya untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebuhraya yang dibina di negara ini perlu mematuhi piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Arahan Teknik Jalan, JKR dan garis panduan semasa yang berkuat kuasa, termasuk dalam aspek pemasangan lampu jalan.

Pemasangan lampu jalan di lebuh raya negara ini ialah berdasarkan kepada kod praktis antarabangsa, sebagaimana digariskan oleh 'American Association of State Highway and Transportation' (AASHTO) dan 'Guideline for Malaysia Toll Expressway System - Design Standards (Mechanical & Electrical Services)' (LLM/GP/T10-08). Umumnya amalan praktis ini menetapkan lampu-lampu jalan di lebuhraya hendaklah dipasang di lokasi tertentu untuk tujuan keselamatan - iaitu di kawasan persimpangan, persimpangan bertingkat, terowong, kawasan berhampiran plaza tol, kawasan berhampiran hentian rehat atau hentian sebelah dan kawasan-kawasan tertentu lain.

Namun demikian pemasangan lampu jalan turut dilaksanakan di sepanjang lebuhraya dalam bandar berikutan faktor jumlah trafik yang tinggi, iaitu di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan laluan protokol ke Lapangan Terbang KLIA. Bagi lebuhraya antara bandar pula – seperti Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), pemasangan lampu jalan dihadkan di lokasi-lokasi strategik sahaja. Ini kerana cadangan untuk memasang lampu jalan di sepanjang jajaran lebuh

raya akan melibatkan kos yang tinggi yang perlu ditanggung oleh syarikat konsesi dan bakal memberi kesan terhadap kos perbelanjaan operasi (OPEX). Walaupun begitu atas faktor keselamatan, program pemasangan lampu jalan ini telah diperluaskan melibatkan laluan berisiko tinggi kemalangan seperti di kawasan Gua Tempurong dan Terowong Menora (kedua-duanya di bawah konsesi PLUS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan daripada masa ke semasa sentiasa memantau dan mengkaji serta mengambil segala pendekatan yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap keselamatan lebuh raya di negara ini. Oleh itu cadangan pemasangan lampu jalan di sepanjang jajaran lebuh raya akan dipertimbangkan tertakluk kepada penilaian impak teknikal dan kewangan.

Sekian, terima kasih.